



Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD.4(18)

Tarikh : 12 Januari 2011

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 1/2011

TATACARA PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN SECARA TENDER
(PELANJUTAN TEMPOH SAH LAKU TENDER)

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pemerhatian Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) mendapati masih ada Jabatan/Agensi yang mengemukakan Kertas Taklimat Tender selepas tempoh sah laku tender tamat walaupun telah diberikan masa selewat-lewatnya tiga (3) minggu daripada tarikh surat Jawatankuasa Pembukaan Tender Persekutuan Sabah.

3. Para 23.5 Surat Pekeliling Perbendaharaan 5 Tahun 2007 menyatakan "Agensi tidak digalakkan untuk melanjutkan tempoh sah laku tawaran tender daripada tempoh sah yang telah ditetapkan kerana ini boleh menyebabkan petender menarik diri. Sekiranya perlanjutan tempoh sah laku tawaran tender diperlukan, **pelanjutan hendaklah dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku asal tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi yang berkenaan**". Para 57.4 dan 57.5 Surat Pekeliling Perbendaharaan 5 Tahun 2007 juga berkaitan.


4. Justeru itu, berkuatkuasa mulai dari tarikh surat edaran ini, semua Ketua Jabatan/Agensi adalah diminta memastikan permohonan pelanjutan tempoh sah laku tender **dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku asal tamat** kepada Pengerusi Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah, Perbendaharaan Malaysia Sabah. PMS tidak akan menerima Kertas Taklimat Tender yang telah tamat tempoh sah laku untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga.

5. Kerjasama daripada Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,



(YUSOF BIN HAJI SARANGIT)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

S.K. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah